

**Umno Wilayah Persekutuan Yakin Menang Semula Empat Kerusi Parlimen
Bernama
1 Jun, 2012**

KUALA LUMPUR, 1 Jun (bernama) -- Umno Wilayah Persekutuan yakin dapat memenangi semula empat kerusi Parlimen daripada parti pembangkang pada pilihan raya umum akan datang ekoran trend pengundi di bandar raya yang kini mula memberi sokongan terhadap Barisan Nasional (BN).

Setiausaha Badan Perhubungan Umno Wilayah Persekutuan Datuk Wira Syed Ali Alhabshee berkata berdasarkan perubahan senario politik semasa dan kecemerlangan kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak, keputusan pilihan raya umum 2008 yang menyaksikan kekalahan BN bagi kerusi Parlimen Batu, Titiwangsa, Wangsa Maju dan Bandar Tun Razak kepada pembangkang tidak akan berulang.

"Kita sudah lihat ada perubahan... tsunami politik akan berlaku di mana BN akan merampas semula empat kerusi itu kerana warga kota telah mula beralih arah kepada BN setelah mereka kecewa dengan pelbagai janji kosong pembangkang," katanya dalam blog www.umnobahagiancheras.blogspot.com.

Daripada 13 kerusi Parlimen, BN hanya menang tiga kerusi, iaitu Putrajaya, Setiawangsa dan Labuan pada pilihan raya umum 2008.

Mengenai soal calon, Syed Ali berkata kepimpinan parti di setiap bahagian menaruh kepercayaan dan keyakinan kepada Timbalan Perdana Menteri dan Pengerusi Perhubungan Umno Wilayah Persekutuan Tan Sri Muhyiddin Yassin berhubung pemilihan calon yang bakal bertanding pada PRU ke-13 nanti.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=670348>